

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|-----|--|-----------------|---|
| 1. | Apa selepas bencana Kim Kim? | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 2. | MALAYSIA2 M'sians & 1 S'porean May Face 5 Years' Jail After Being Charged for Polluting Pasir Gudang | World of Buzz | Klik pada tajuk berita |
| 3. | Malaysia sedang mengkaji perdagangan tenaga P2P dan sijil tenaga boleh diperbaharui / 马来西亚正在研究 P2P能源交易和可再生能源证书 | PV-Magazine | Klik pada tajuk berita |
| 4. | Tender for waste-to-energy firms soon | Daily Express | Klik pada tajuk berita |
| 5. | Air sampah punca Sungai Benut tercemar | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 6. | Loji rawatan air dibuka | Harian Metro | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 1 |
| 7. | 75,000 pengguna terjejas bekalan air | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 8. | Pencemaran: 75,000 terputus bekalan air | Kosmo! | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 2 |
| 9. | Pencemaran ammonia: 75,000 penduduk terjejas bekalan air | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 10. | Air sampah punca dua sungai di Johor tercemar - JAS | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran |



| | | | |
|-----|---|-------------------|---|
| | | | 3 |
| 11. | <u>Pencemaran dua sungai: JAS kenal pasti pihak terlibat</u> | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 12. | <u>Tahap jerebu masih normal</u> | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 13. | <u>51 kilang haram masih beroperasi di Selangor</u> | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 14. | <u>Selangor exco: Cutting off utilities best way to keep illegal plastic factories shut</u> | Malay mail | Klik pada tajuk berita |
| 15. | <u>LUAS lancar sistem pantau kuantiti, kualiti air</u> | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 16. | <u>Monsoon transition in Sabah sees rainfall</u> | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 17. | <u>Kerajaan timbang penurunan kadar tarif elektrik</u> | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 18. | <u>51 kilang palstik haram dikesan masih beroperasi di Selangor</u> | Kosmo | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 4 |
| 19. | <u>Hadapi 45 pertuduhan</u> | Harian Metro | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 5 |
| 20. | <u>Pencemaran toksik: Syarikat, dua pengarah didakwa masing-masing 15 pertuduhan</u> | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 21. | <u>Didakwa lagi masing-masing 15 pertuduhan</u> | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 22. | <u>51 illegal factories in Selangor yet to shut down</u> | New Straits Times | Klik pada tajuk berita |
| 23. | <u>Residu Lynas tidak bawa pencemaran</u> | Sinar Harian | Rujuk Lampiran 6 |



| | | | |
|-----|--|-------------------|-------------------|
| 24. | <u>Air sampah punca tercemar: JAS Johor</u> | Sinar Harian | Rujuk Lampiran 7 |
| 25. | <u>Dua pengarah, kilang tayar kena dakwa cemar sungai</u> | Berita Harian | Rujuk Lampiran 8 |
| 26. | <u>Pencemaran Kimia Toksik</u> | Berita Harian | Rujuk Lampiran 9 |
| 27. | <u>Hadapi 15 pertuduhan menyebabkan pencemaran, membuang sisa terjadual: Dua pengarah syarikat didakwa lagi</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 10 |
| 28. | <u>Tahap jerebu semakin kurang</u> | Harian Metro | Rujuk Lampiran 11 |
| 29. | <u>Utility cut for illegal factories in S'gor</u> | The Star | Rujuk Lampiran 12 |
| 30. | <u>Directors claim trial to river pollution</u> | The Star | Rujuk Lampiran 13 |
| 31. | <u>Johor Sultan decrees probe for polluters of two other rivers</u> | The Star | Rujuk Lampiran 14 |
| 32. | <u>Our plastic love affair</u> | The Star | Rujuk Lampiran 15 |
| 33. | <u>Used tyre processing factory shut down</u> | New Straits Times | Rujuk Lampiran 16 |
| 34. | <u>15 more charges levelled at factory directors</u> | New Straits Times | Rujuk Lampiran 17 |
| 35. | <u>Rain ease dry spell</u> | New Straits Times | Rujuk Lampiran 18 |
| 36. | <u>Adapting to climate change</u> | The Star | Rujuk Lampiran 19 |



TEMPATAN

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|-----|---|-------------------|------------------------|
| 37. | <u>Malaysia peneraju aeroangkasa</u> | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 38. | <u>Ambil iktibar pencemaran Pasir Gudang</u> | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 39. | <u>120 hektar tanah sesuai jadi ladang solar di Kedah</u> | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 40. | <u>Jumlah pampasan kepada mangsa pencemaran belum diputuskan – TPM</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 20 |
| 41. | <u>Paras air empangan utama Selangor baik</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 21 |
| 42. | <u>Maklum Balas: Masalah dalam perhatian TNB</u> | Utusan Malaysia | Rujuk Lampiran 22 |
| 43. | <u>Didakwa lagi masing-masing 15 pertuduhan</u> | Utusan Malaysia | Rujuk Lampiran 23 |
| 44. | <u>Kerajaan kaji turunkan tariff elektrik</u> | Berita Harian | Rujuk Lampiran 24 |
| 45. | <u>Little things we can do to fight climate change</u> | New Straits Times | Rujuk Lampiran 25 |
| 46. | <u>Kerajaan pertimbang turunkan kadar tarif elektrik</u> | Sinar Harian | Rujuk Lampiran 26 |
| 47. | <u>'Saya mahu laporan segera'</u> | Sinar Harian | Rujuk Lampiran 27 |
| 48. | <u>Tumpat: Hujan rahmat buat tanaman petani</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 28 |
| 49. | <u>Padang Besar: Sudah biasa hidup dalam 'bahang'</u> | Harian Metro | Rujuk Lampiran 29 |



| | | | |
|-----|--|-------------------|-------------------|
| 50. | <u>Sisa industri cemari Sungai Klang</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 30 |
| 51. | <u>Penduduk tidak selesa hidu bau busuk</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 31 |
| 52. | <u>Air cukup</u> | Harian Metro | Rujuk Lampiran 32 |
| 53. | <u>'Let tariffs be in line with coal, gas prices'</u> | New Straits Times | Rujuk Lampiran 33 |

ANTARABANGSA

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|------------|---|--------------|-----------------------------|
| 54. | <u>Cyclone lashing northwest Australia weakens</u> | The Star | Rujuk Lampiran 34 |
| 55. | <u>Disease fears mount after Africa cyclone</u> | The Star | Rujuk Lampiran 35 |
| 56. | <u>Cape Grim miliki udara terbersih dunia</u> | Kosmo | Rujuk Lampiran 36 |

LAMPIRAN 1 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)



AHLI Parlimen Simpang Renggam yang juga Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik (dua dari kiri) melihat keadaan air Sungai Benut ketika melawat Loji Rawatan Air Simpang Renggam.

PENCEMARAN AMMONIA SUNGAI BENUT

Loji rawatan air dibuka

Pemantauan berterusan rekod bacaan ammonia paras selamat

ibrahim isa
ibrahim@hmetro.com.my

Johor Bahru

Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam yang terpaksa berhenti operasi sementara waktu sejak Sabtu lalu akibat pencemaran ammonia di Sungai Ulu Benut dibuka semula, semalam.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, pemantauan berterusan dilakukan sejak kelmarin dan bacaan ammonia pada paras selamat iaitu 2 part per million (ppm) jam 7.30 malam semalam.

"Sabtu lalu, bacaan ammonia di LRA Simpang Renggam adalah 20 ppm menyebabkan ia terpaksa ditutup kerana boleh membahayakan pengguna.

"Bagaimanapun, hasil pemantauan berterusan kami mendapati keadaan bertambah baik dari semasa ke semasa.

"Dan jam 7.30 malam tadi

(semalam), ia hanya mencatat bacaan 2 ppm (paras selamat) dan kami menasihatkan ia boleh beroperasi semula," katanya ketika dihubungi, di sini, malam semalam.

Menurutnya, pihaknya memantau keadaan kawasan sekitar terutama di lokasi pembuangan sampah bagi memastikan tiada titis air larutan resapan (leccet) dari tapak pelupusan sampah mengalir ke Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap hingga boleh meningkatkan paras ammonia.

Katanya, pada masa sama pihaknya mengalakkan kerjasama orang awam bagi menyalurkan maklumat bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Sementara itu, jurucakap SAJ Ranshill Sdn Bhd (SAJ Ranshill) berkata, sebelum ini pihaknya bercadang melancarkan catuan air bermula Khamis ini berikutan kandungan ammonia yang tinggi di LRA Simpang Renggam.

"Agihan air terpaksa dibuat menggunakan lori di



BANGKAI ikan ditemui terapung di Sungai Benut akibat pencemaran ammonia.

beberapa kawasan terjejas, bagaimanapun disebabkan penutupan LRA terbabit kami tidak akan melakukan catuan.

"Bagaimanapun, disebabkan jumlah air terlalu sedikit di LRA itu, jumlah air yang disalurkan mungkin lebih sedikit berbanding kebiasaan," katanya.

Sebelum ini, kira-kira 75,000 penduduk di Simpang Renggam, Ayer Hitam,

Kulai dan Pontian berdepan catuan bekalan air berikutan penutupan LRA terbabit akibat pencemaran ammonia di Sungai Benut sejak Sabtu lalu.

Keadaan itu berlaku disebabkan benteng tanah di kolam air leccet tapak pelupusan sampah berkenaan pecah kerana tidak dapat menampung takungan air akibat hujan lebat, sehari sebelum kejadian.



LAMAN Facebook Sultan Ibrahim menitahkan pihak berkuasa menyiasat pencemaran di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap.

Sultan gesa siasatan

Johor Bahru: Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar mahu pihak berkuasa segera menyiasat pencemaran di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap di Simpang Renggam hingga menyebabkan ikan mati.

Sultan Ibrahim bertitah, pihak berkuasa perlu menjalankan siasatan menyeluruh berhubung pencemaran itu kerana tidak mahu kejadian seperti di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang berulang.

Baginda bertitah, pihak berkenaan juga diminta mengemukakan laporan berhubung pencemaran itu dengan segera.

"Lakukan siasatan dan saya juga mahu laporan segera berhubung perkara ini. Sesiapa saja terbabit perlu bertanggungjawab kerana melakukan pencemaran terhadap sungai.

"Ini satu perbuatan tidak bertanggungjawab," titahnya kepada Royal Press Office di sini, semalam.

Pencemaran Sungai Kim Kim bermula 7 Mac lalu menyebabkan 111 sekolah ditutup dan mengakibatkan lebih 5,000 penduduk mendapatkan rawatan ayal.

Penduduk bimbang kesihatan terganggu

Simpang Renggam: Penduduk Kampung Ulu Benut di Simpang Renggam, bimbang kesihatan mereka terjejas berikutan Sungai Ulu Benut didapati tercemar sehingga warna airnya berubah menjadi kehitaman dan berbau busuk sejak beberapa hari lalu.

Ahli Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) Zon Tiga, Mohamad Zaki Abdul Kadir berkata, keadaan itu menyebabkan penduduk yang tinggal di sepanjang sungai berkenaan bimbang keselamatan dan kesihatan mereka terganggu seperti dialami penduduk di Pasir Gudang, baru-baru ini.

"Walaupun pencemaran sungai ini bukan perkara baru, tetapi kali ini selain air sungai bertukar kehitaman dan berbau busuk, ada juga ikan mati.

"Kejadian disedari penduduk hari ini (semalam) dan ia dipercayai daripada air najis ayam yang terdapat di bahagian hulu sungai selain air dari pusat pelupusan sampah berhampiran ladang CEP Renggam," katanya.

Menurutnya, pihaknya menggesa Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Peningkatan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera bagi menangani isu berkenaan.

Katanya, keadaan itu secara tidak langsung boleh menjejaskan bekalan air dan membahayakan keselamatan penduduk.

Penduduk lain, Ahmad Othman, 54, berkata, beberapa penduduk meninjau di kawasan terbabit dan percaya ia mungkin disebabkan najis haiwan dari beberapa kilang ayam di bahagian hulu sungai itu.

Katanya, kejadian itu sering berlaku dan aduan dibuat kepada pihak berkuasa selain didedahkan media namun hingga kini belum ada tindakan diambil untuk mengatasi masalah berkenaan.

"Jika mahu melihat punca sebenar kejadian air bertukar hitam dan berbau, mereka perlu membuat siasatan dengan turun padang, masuk ke ladang sawit untuk melihat sendiri apa ada di dalamnya," katanya.

LAMPIRAN 2
 KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 16
 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Sultan Johor mahu pencemaran di dua sungai disiasat



JOHOR BAHRU - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar (**gambar**) semalam menitahkan pihak berkuasa agar segera menyasat pencemaran yang berlaku di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap dekat Simpang Renggam yang dipercayai menyebabkan berlakunya kematian ikan-ikan di sungai tersebut. Sultan Ibrahim dalam satu kenyataan mahu satu siasatan secara me-

nyeluruh berkaitan pencemaran tersebut dilakukan agar kejadian seperti di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang baru-baru ini tidak berulang. Dalam satu kenyataan menerusi Facebook rasmi baginda, Sultan Ibrahim bertitah agar pihak berkuasa yang berkaitan segera mengemukakan laporan berhubung pencemaran tersebut. "Lakukan siasatan dan saya juga

mahukan laporan segera berhubung perkara ini. Sesiapa sahaja terlibat perlu bertanggungjawab kerana melakukan pencemaran terhadap sungai-sungai. "Ini satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab," titah baginda. Sementara itu, **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** Johor telah mengeluarkan empat kompaun ke atas syarikat yang bertanggungjawab mencemarkan

Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap. Pengarahnya, Datuk Mohamad Ezanni Mat Salleh berkata, kompaun itu membabitkan permasalahan loji rawatan cairan yang menginfiltirasi sampah (*leachate*) dan buangan berjadual. "Siasatan akan terus dilakukan dari masa ke semasa," katanya di sini semalam.

la susulan penutupan sementara LRA ekoran pencemaran amonia

Penduduk terputus bekalan air

KLUANG - Kira-kira 75,000 akaun pengguna SAJ Ranhill Sdn. Bhd. (SAJ Ranhill) di Simpang Renggam, Ayer Hitam dan Kulai terputus bekalan air sejak awal pagi Sabtu lalu berikutan penutupan sementara Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam di Kluang.

Ia melibatkan seramai 375,000 penduduk di kawasan tersebut terjejas ekoran penutupan LRA berkenaan.

Penutupan loji itu ekoran terdapat pencemaran amonia di Sungai Benut.

Anggota Parlimen Simpang Renggam merangkap Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik (**gambar kecil**) berkata, pencemaran itu bertambah buruk apabila ban tanah kolam air larutan resapan di Tapak Pelupusan CEP Renggam pecah. "Kita percaya ada pihak



MASZLEE (empat dari kanan) meninjau Loji Rawatan Air Simpang Renggam bagi melihat keadaan Sungai Benut yang dicemari amonia semalam.

yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan melepaskan amonia ke dalam sungai ini. Jadi, kita memohon kepada pihak SAJ Ranhill agar menyediakan bantuan bekalan air tambahan yang mencukupi untuk semua

kawasan yang terjejas. "Pada masa sama, kita berharap tindakan tegas diambil terhadap pihak yang terbabit selain turut berharap tapak pelupusan di Ulu Sungai Benut (yang menjadi salah satu penyebab ke-



KEADAAN Sungai Benut di Simpang Renggam, Johor yang tercemar amonia sehingga menyebabkan kira-kira 375,000 penduduk terjejas bekalan air sejak Sabtu lalu.

pada masalah) ditutup segera," katanya selepas melawat loji rawatan itu di sini semalam. Sementara itu, Pengarah **Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor**, Datuk Dr. Mohammad Ezanni Mat Salleh yang melawat

loji berkenaan kelmarin berkata, pihaknya sudah mengambil sampel air sungai untuk diserahkan kepada Jabatan Kimia bagi dianalisis. Kes disiasat mengikut Seksyen 31 dan Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

LAMPIRAN 3
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4
 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Kandungan ammonia punca ikan mati - JAS

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**
 pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 25 MAC

PUNCA kematian ikan-ikan di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap, Simpang Renggam dekat Kluang dipercayai disebabkan kandungan ammonia yang tinggi kesan limpahan air sampah yang masuk ke dalam sungai berkenaan.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr. Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, hasil siasatan awal pihaknya mendapati, punca pencemaran di sungai itu adalah disebabkan air titisan sampah daripada tapak pelupusan sampah berdekatan.

Menurutnya, siasatan awal juga mendapati, benteng tapak pelupusan sampah di kawasan itu terdapat limpahan air sampah.

JAS sudah menjalankan siasa-

tan semalam, sampel di sungai itu juga sudah diambil dan kita juga sudah mengenal pasti punca pencemaran adalah dari tapak pelupusan sampah di Simpang Renggam.

“Kita sedang giat menjalankan siasatan berhubung kejadian itu dan akan menyiapkan kertas siasatan dalam kadar segera supaya pendakwaan boleh dilakukan ke atas pihak yang terlibat,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mahu pihak berkuasa segera menyiasat pencemaran di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap di Simpang Renggam hingga menyebabkan berlakunya kematian ikan-ikan.

Baginda menerusi entri ter-

baharu Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar juga mahu pihak berkuasa yang berkaitan segera mengemukakan laporan berhubung pencemaran itu

kerana tidak mahu kejadian seperti di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang berulang.

Mohammad Ezanni berkata, sampel yang diambil pihaknya akan diserahkan kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Tambahnya, kes itu akan disiasat mengikut Seksyen 31 Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1974 dan Seksyen 25 akta yang sama.

“Susulan pemeriksaan dijalankan semalam juga, JAS negeri sudah mengeluarkan sebanyak empat kompaun dengan setiap satu kompaun dikenakan denda sebanyak RM2,000,” katanya.



**MOHAMMAD EZANNI
 MAT SALLEH**



LAMPIRAN 4
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 17
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

51 kilang plastik haram masih beroperasi di Selangor

SHAH ALAM - Sebanyak 51 kilang plastik haram dikesan masih ingkar dan terus beroperasi di seluruh Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor, Ng Sze Han, berkata, situasi itu menyebabkan pihaknya memerlukan kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Tenaga untuk menyekat bekalan air serta elektrik sebagai langkah efektif bagi mengekang operasi kilang-kilang haram berkenaan.

"Kami sedang berbincang dengan SPAN serta suruhanjaya itu. Kami akan pastikan bekalan air serta elektrik (terhadap kilang-kilang haram) akan dipotong (dalam masa



terdekat)," katanya bagi menjawab soalan tambahan **Leong Tuck Chee (DAP-Pandamaran)** pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Tuck Chee dalam soalan tambahannya bertanya sama ada operasi yang dijalankan kerajaan negeri dalam membanteras kilang plastik haram memerlukan bantuan daripada agensi utiliti untuk menyekat bekalan tenaga dan air kepada kilang berkenaan.

Dalam pada itu, Sze Han berkata, setakat ini, sebanyak 107 kilang plastik haram dikesan beroperasi di Selangor. Sebanyak 99 kilang diberi notis penutupan manakala 48

lagi ditutup sepenuhnya.

Tambahnya, sebanyak 127 kes disiasat **Jabatan Alam Sekitar** Selangor sejak Julai 2018 hingga Februari lalu. Sejumlah 50 daripadanya disyorkan untuk dihadapkan ke mahkamah manakala enam kes pula didenda sebanyak RM389,000 serta satu hari penjara.

Beliau berkata, satu jawatankuasa tindakan juga telah ditubuhkan untuk bertindak dengan lebih proaktif bagi memantau perkembangan isu kilang haram di negeri berkenaan.

Mengulas lanjut, Sze Han berkata, tiga notis juga telah dikeluarkan terhadap pemilik tanah yang didapati menyalahgunakan tanah mereka dengan membenarkan kilang plastik haram untuk beroperasi. - Bernama



SEBANYAK 51 kilang plastik haram dikesan masih beroperasi di seluruh Selangor. - Gambar hiasan

LAMPIRAN 5
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 17
 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Mary Victoria Dass
 maryvictoria@nstp.com.my

Johor Bahru

Sebuah kilang memproses tayar terpakai di Pasir Gudang dan dua pengarahnya berdepan sebanyak 45 pertuduhan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara bersih) 2014 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini, semalam.

Mereka terdiri syarikat P Tech Resources Sdn Bhd, warga Singapura Wang Jing Chao, 34, dan warga tempatan, Yap Yoke Liang, 42, yang masing-masing menghadapi 15 pertuduhan.

Ia termasuk tujuh pertuduhan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan lapan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Wang dan Yap serta P Tech Resources yang diwakili kedua-dua Orang Kena Saman (OKS) itu mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dan mohon dibicarakan.

Bagi tujuh pertuduhan pertama, Wang, Yap dan kilang berkenaan didakwa gagal membuat pemberitahuan berkaitan pembuangan bahan terjadual seperti ditetapkan di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005,



ANGGOTA polis mengiringi dua suspek di pekarangan mahkamah, semalam.

RACUN SUNGAI KIM KIM

45 pertuduhan

■ Kilang, dua pengarah premis proses tayar terpakai didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di PLO 113, Jalan Nibong 2, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang, jam 12.25 tengah hari, 11 Mac lalu.

Kesalahan itu boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan lebih setahun atau kedua-duanya.

Bagi lapan pertuduhan membabitkan pencemaran udara bersih, Wang, Yap dan syarikat berkenaan didakwa gagal menjalankan pemantauan berkala di bawah peraturan sama.

Kesalahan itu turut dilakukan kedua-duanya di tempat, masa serta tarikh sama dan kedua-duanya boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau

kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

Hakim Jailani Rahman membenarkan semua tertuduh diikat jamin RM15,000 bagi setiap pertuduhan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara bersih) 2014.

Manakala, katanya, ikat jamin RM3,000 pula bagi setiap pertuduhan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Jaminan keseluruhan ditetapkan RM423,000.

Jailani juga menetapkan syarat tambahan kepada Wang iaitu dibenarkan diikat jamin dengan seorang penjamin warga Malaysia, selain melapor diri di Balai Polis Pasir Gudang setiap 1 habribulan sehingga prosiding kes berkenaan tamat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asyraf Md Kamal dan Farra Nor Azura Jumuddin, manakala kedua-dua OKS diwakili peguam G Subramaniam Nair.

Terdahulu, Subramaniam memohon mahkamah menetapkan jaminan rendah bagi kesemua OKS kerana menanggung keluarga, selain memaklumkan anak guamnya memberi kerjasma untuk membantu siasatan.

Bagaimanapun, Muhammad Asyraf mencadangkan jaminan lebih tinggi berikutan peruntukan hukuman bagi semua pertuduhan adalah tinggi.

Jailani juga menetapkan 30 April sebagai tarikh sebutan semula.

LAMPIRAN 6
SINAR HARIAN: MUKA SURAT 18
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Residu Lynas tidak bawa pencemaran

KUANTAN - Tidak adil untuk membandingkan residu Lynas dengan pencemaran Sungai Kim Kim Johor, kata Pengurus Besar Keselamatan/Pengurusan Radiasi, Lynas Advance Materials Plant (LAMP), Profesor Dr Ismail Bahari.

Menurutnya, kilang pengeluaran bahan nadir bumi itu telah dipantau dari hari pertama ia beroperasi pada 2012 dan tidak pernah ada satu kejadian yang menyebabkan sebarang risiko berlaku kepada umum.

"Lynas dipantau malah sebelum kami memulakan operasi lagi. Sekiranya Lynas gagal mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan sudah tentu dihukum lama dahulu, baik dengan kerajaan sebelum PRU mahupun kerajaan hari ini.

"Bukti dan data disediakan kepada orang ramai, tidak adil untuk membandingkan Lynas dengan Sungai Kim Kim kerana ia tidak sama," katanya.

Beliau berkata demiki-

Lynas simpan 1.2juta tan sisa berjadual?

KUANTAN - Memasuki usia tujuh tahun, operasi kilang Lynas Malaysia Sdn Bhd yang memproses nadir bumi di Pusat Perindustrian Gebeng, dekat sini, sekali lagi menumbulkan tanda tanya aktivis anti Lynas. Penasihat Undang Undang Save Malaysia Stop Lynas (SMSL), Hon Kai Ping berkata, antaranya penyimpanan jumlah sisa berjadual yang meningkat sehingga melebihi satu juta tan di loji Lynas.



Dari kiri, Jade, Chean Cheung dan Kai Ping menunjukkan laporan AIE.

Menurutnya, sedang-kan di bawah Peraturanan

tara perbezaan jumlah tan yang dibenarkan?

Komuniti DUN Sem bagi mengetahui da

Keratan Sinar Harian semalam berkenaan isu yang dibangkitkan oleh aktivis Anti Lynas (SMSL).

an ketika mengulas mengenai kenyataan Penasihat Undang-Undang Save Malaysia Stop Lynas (SMSL), Hon Kai Ping tentang penyimpanan jumlah sisa berjadual meningkat sehingga melebihi satu juta tan di loji Lynas selain mengaitkan dengan isu pencemaran di Sungai Kim Kim, Johor.

"Kami mempunyai data dan analisis yang dilakukan oleh Sirim yang menunjukkan ia tidak toksik. Sekiranya ia tidak toksik dan boleh digunakan semula,

mengapa tidak? Ia disimpan sebelum kita dapat mengkomersialkan," katanya.

Beliau berkata walaupun jawatankuasa pemeriksaan eksekutif yang dilantik oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Kementerian Perubahan Iklim menyatakan dalam laporannya bahawa terdapat pencemaran dalam sampel air bawah tanah, jawatankuasa itu tidak pernah menuding jari atau menyalahkan Lynas.

LAMPIRAN 7
SINAR HARIAN (SUNGAI TERCEMAR AMMONIA): MUKA SURAT 33
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Air sampah punca tercemar: JAS Johor

JABATAN Alam Sekitar (JAS) Johor mengesahkan pencemaran di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap, dekat Simpang Renggam hingga menyebabkan kematian ikan berpunca daripada air sampah dari tapak pelupusan sampah berdekatan.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, siasatan awal mendapati kematian ikan di dua sungai tersebut disebabkan kandungan ammonia tinggi, kesan daripada limpahan air sampah dari tapak pelupusan itu.

"JAS sudah jalankan siasatan semalam, sampel di sungai itu juga sudah diambil dan kita juga sudah mengenal pasti punca pencemaran adalah dari tapak pelupusan sampah di Simpang Renggam.

"Kita giat jalankan siasatan dan akan siapkan kertas siasatan segera," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohammad Ezanni berkata, siasatan awal juga mendapati benteng tapak pelupusan sampah di kawasan terbabit



MOHAMMAD EZANNI

terdapat limpahan air sampah.

Katanya, sampel yang diambil akan diserahkan kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Sementara itu, penduduk di tiga mukim iaitu Mukim Benut, Mukim Sungai Pinggan dan sebahagian Mukim Ayer Baloi mengalami gangguan bekalan air.

Penyelaras DUN Benut, Zulkifly Tasreep berkata, gangguan bekalan air itu mengejutkan.

Bagaimanapun katanya, penduduk membuat persiapan awal dengan menyediakan simpanan air bagi berdepan dengan bekalan air berjadual.

Ketua Kampung Kawasan 1 Parit Makuaseng, Asmadi Bachok@ Mohd Nawai pula berkata, ketiadaan bekalan air memberi kesan kepada penduduk terutama bagi yang mengadakan kenduri perkahwinan.

Bagaimanapun katanya, bekalan air dihantar Jabatan Bomba dan Penyelamat melegakan tuan rumah.

LAMPIRAN 8
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 6
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Dua pengarah, kilang tayar kena dakwa cemar sungai

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]

➔ Tertuduh mengaku tak bersalah semua 15 pertuduhan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

► Johor Bahru

Sebuah kilang pemprosesan tayar terpakai, P Tech Resources Sdn Bhd dan dua lelaki termasuk seorang warga Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas 15 pertuduhan masing-masing membabitkan kesalahan gagal mematuhi pemantauan udara bersih dan buangan terjadual di Sungai Kim Kim.

Tertuduh, Wang Jing Chao, 34, warga Singapura, dan Yap Yoke Liang, 36, yang juga Orang Kena Saman (OKS) masing-masing mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Jailani Rahman, semalam.

Jing Chao dan Yoke Liang masing-masing sebagai pengarah kilang berkenaan didakwa atas tujuh pertuduhan membabitkan pembuangan terjadual, iaitu gagal membuat pemberitahuan mengenai buangan terjadual yang ditetapkan di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).



Yoke Liang (kanan) dan Jing Chao diiringi polis ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

Ia membawa hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kedua-dua mereka juga didakwa atas lapan pertuduhan membabitkan udara bersih iaitu gagal menjalankan pemantauan berkala di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, akta yang sama.

Ia membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum dua tahun, jika sabit kesalahan.

Kilang terbabit turut didakwa atas 15 pertuduhan sama yang diwakili dua OKS berkenaan. Semua kesalahan dilakukan

di PLO 113, Jalan Nibong 3, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang, kira-kira jam 12.05 tengah hari pada 11 Mac lalu.

Ikat jamin RM141,000

Mahkamah memerintahkan Jing Chao dan Yoke Liang masing-masing diikat jamin RM141,000 dengan seorang penjamin atas semua kesalahan terbabit.

Bagaimanapun, Jing Chao dikenakan syarat tambahan iaitu penjamin perlu warga Malaysia, selain melaporkan diri ke Balai Polis Pasir Gudang setiap satu hari bulan sehingga kes saman itu, selesai.

Pendakwaan dikendalikan

Timbalan Pendakwa Raya Putrajaya Muhammad Asyraf Kamal dan Farra Nor Azura Jumuddin, manakala semua tertuduh diwakili peguam, G Subramaniam Nair.

Kelmarin, Jing Chao dan Yoke Liang mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan melupuskan buangan terjadual iaitu buangan minyak atau enap cemar berminyak ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada 7 Mac lalu.

Yoke Liang diperintah diikat jamin sebanyak RM250,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada Mahkamah, manakala Jing Chao yang juga warga Singapura, tidak ditawarkan jaminan.

LAMPIRAN 9
 BERITA HARIAN (MINDA): MUKA SURAT 25
 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

PENCEMARAN KIMIA TOKSIK

➔ Pelajar perlu ambil langkah berjaga-jaga, hindari kawasan tercemar

Oleh Meor Ahmad Nasriin
 Rizal Ishak
 meor.ahmad@bh.com.my

▸ Pasir Gudang

Pencemaran di Sungai Kim Kim, di sini sejak 7 Mac lalu banyak mendapat perhatian dan reaksi daripada pelbagai pihak. Kementerian Pendidikan turut memutuskan untuk menutup 111 sekolah di Pasir Gudang serta merta susulan pencemaran sisa bahan kimia berkenaan, baru-baru ini.

Sejauh mana pencemaran ini akan berterusan dan apakah langkah yang boleh diambil bagi mengatasi serta memastikan pelajar tidak terkesan dengan perkara itu? Menjawab persoalan ini, Ketua Keselamatan dan Kesihatan Makmal, Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Darfizzi Derawi, berkata pencemaran berlaku akibat sikap dan tindakan yang tidak bertanggungjawab pengusaha kilang yang membuang sisa kimia secara haram. **Lihat M.26**



LAMPIRAN 9 (SAMB.) BERITA HARIAN (MINDA): MUKA SURAT 26 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Terdedah kepada penyakit berbahaya

➔ Sisa bahan kimia boleh jadi penyebab penyakit kronik


Dari Muka 25

Beliau berkata, sisa kimia yang dikenal pasti terdiri daripada sisa organik yang berisiko tinggi dan berbahaya terhadap kesihatan masyarakat sekitar antaranya akrilonitril, akrolein dan benzena.

"Sisa berkenaan boleh terhasil daripada proses pirolisis tayar terpakai yang dilakukan pada suhu dan tekanan tinggi.

"Sebatian kimia yang terhasil daripada proses pirolisis tayar terpakai adalah bersifat toksik dan karsinogen sehingga boleh menyebabkan risiko untuk mendapat penyakit kanser bagi yang terdedah secara berterusan dalam tempoh masa yang panjang," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Beliau juga Pesyarah Kanan (Kimia) di Pusat Bahan Ter maju dan Sumber Keterbaharuan, FST, UKM berkata, setiap bahan kimia berbahaya mempunyai Had



Anggota HAZMAT Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) meninjau keadaan kualiti udara menggunakan alat pengesan gas di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, baru-baru ini.

Pendedahan yang Dibenarkan (PEL).

Ancam nyawa

Mengulas lanjut, Dr Darfizzi berkata, PEL bagi setiap bahan kimia terbahit selalunya diukur dalam unit bahagian per juta (ppm) untuk suatu tempoh masa lapan jam atau berdasarkan had siling yang dibenarkan dalam suatu tempoh masa ditetapkan.

"Ini bermakna, jika seseo-

rang terdedah melebihi nilai PEL ditetapkan, individu terbahit boleh mendapat sakit dan nyawanya mungkin terancam dalam tempoh waktu yang singkat.

"Memandangkan bilik darjah di sekolah bersifat terbuka dan mendapat aliran udara secara terus dari luar, maka pelajar adalah golongan paling berisiko untuk mendapat kesan secara terus dalam jangka masa lama sepanjang tempoh perseko-

lahan," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan makanan yang dijual di kantin sekolah tercemar dengan bahan kimia toksik tersebar sepanjang tempoh penyediaan dan penyajian hingga boleh menyebabkan keracunan makanan kepada pelajar.

"Udara yang tercemar boleh mendatangkan keracunan terhadap makanan jika terkena gas toksik berkenaan," kata Dr Darfizzi.

info.

Tiga kaedah kemasukan bahan toksik ke dalam badan

- ➔ Pernafasan
- ➔ Serapan melalui kulit
- ➔ Termakan. Jerapan gas toksik yang tersebar bebas pada makanan boleh mendatangkan kesan keracunan apabila makanan tercemar dimakan



Dr Darfizzi Derawi

Beliau berpendapat, langkah pengawalan jangka masa panjang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa supaya kejadian sebegini tidak berulang.

"Antara langkah yang boleh dimulakan adalah dengan memberikan pendidikan serta latihan secara berkala dan berterusan terhadap pengusaha kilang mengenai kepentingan untuk melupuskan sisa kimia mengikut prosedur yang ditetapkan.

"Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh melakukan semula Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dengan mengambil kira faktor pertumbuhan sektor industri berasaskan kimia di kawasan sekitar Pasir Gudang," katanya.

Hindari kawasan tercemar

Beliau juga menasihatkan pelajar supaya memakai penutup hidung dan mulut jenis R95 yang berfungsi untuk menapis sebatian organik atau berasaskan minyak.

"Elakkan daripada memakai penutup hidung dan mulut jenis N95 kerana ia tidak berfungsi untuk menapis sebatian organik.

"Pelajar juga disarankan pergi bercuti atau pulang ke kampung bersama-sama keluarga untuk keluar dari radius kawasan terjejas buat seketika sehingga kawasan berkenaan bebas daripada sisa kimia," katanya.

Tanggung aktiviti luar, tunggu keadaan pulih

Media tempatan: Semua pelajar di Pasir Gudang dinasihatkan supaya memberhentikan aktiviti luar dan sentiasa memakai penutup mulut dan hidung atau topeng jenis R95, ekoran pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, baru-baru ini.

Ketua Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Katalisis (PutraCAT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata jika pelajar mengalami tanda keracunan antaranya mual, pening kepala atau muntah, mereka perlu segera mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera.

"Wap bahan kimia yang tercemar iaitu benzene dan akrilonitril seperti yang dilaporkan amat memba-

hayakan kesihatan kerana bersifat toksik, selain pendedahan yang berpanjangan boleh menyebabkan risiko untuk mendapat kanser.

"Pelajar juga perlu mandi dengan kerap jika terpaksa berada di luar rumah bagi mengelakkan kemungkinan sisa kimia terkena anggota badan dan merebak kepada orang lain," katanya kepada *BH Minda*, baru-baru ini.

Pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang menyebabkan hampir 3,976 kes direkodkan sejak 7 Mac lalu. *BH Minda* difahamkan terdapat lapan sebatian kimia berbahaya disahkan dibuang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang antaranya ialah metana, hidrogen klorida, akrilonitril, akrolein, benzena, toluena, xylene dan limonena.

Mengulas lanjut, Prof Taufiq Yap berkata, pendedahan terhadap gas toksik dalam tempoh waktu yang panjang boleh meningkatkan risiko untuk terjadinya kerosakan organ dalaman.

Patuhi arahan

"Ibu bapa dan penguat kuasa tempatan perlu mengambil tindakan bagi membendung pelajar dan orang ramai berada di persekitaran luar, terutama berhampiran kawasan terjejas," katanya.

Beliau juga menasihatkan pelajar di kawasan terjejas perlu mengikut semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan pihak berkuasa.

"Jika perlu, tangguhkan dulu semua aktiviti luar



Dr Taufiq Yap Yun Hin

sehingga keadaan disahkan pulih," katanya.

Walaupun kadar pembebasan gas sudah berkurangan, beliau berkata, pihak berkaitan disarankan untuk terus memantau saliran sungai supaya kejadian itu tidak berulang.



Pelajar dan guru dinasihatkan sentiasa memakai penutup mulut dan hidung untuk langkah pencegahan.

"Pemantauan berterusan juga perlu dilakukan supaya sungai di negara ini sentiasa terpelihara dan bersih daripada pencemaran sisa industri yang bersifat toksik sehingga boleh menjejaskan

kesihatan orang ramai.

"Diharap pihak industri yang terbahit dalam pembangunan sisa kimia terus dipantau bagi memastikan kejadian sama tidak berulang," katanya.

LAMPIRAN 10
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 14
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Hadapi 15 pertuduhan menyebabkan pencemaran, membuang sisa terjadual

Dua pengarah syarikat didakwa lagi

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Dua pengarah syarikat memproses tayar terpakai sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam masing-masing atas 15 pertuduhan berkaitan pencemaran di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada awal bulan ini.

Yap Yoke Liang, 42, dan Wang Jing Choa, 34, warga Singapura selaku Orang Kena Saman (OKS) masing-masing didakwa atas lapan pertuduhan menyebabkan pencemaran udara dan tujuh pertuduhan membuang sisa terjadual ke dalam sungai tersebut.

Kedua-duanya mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Jailani Rahman.

Mengikut pertuduhan melibatkan pembuangan terjadual itu, Yoke Liang dan Jing Choa didakwa gagal membuat pemberitahuan tentang buangan



KERATAN Kosmo! semalam.

terjadual yang dihasilkan dalam masa 30 hari dari tarikh pengeluaran buangan terjadual seperti ditetapkan di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara sehingga setahun atau kedua-duanya.

Perbuatan itu dilakukan pada pukul 12.25 tengah hari, 11 Mac lalu di P Tech Resources Sdn. Bhd. di PLO 113, Jalan Nibong 2,

Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang.

Bagi pertuduhan melibatkan pencemaran udara bersih pula, Jing Choa didakwa gagal menjalankan pemantauan berkala di bawah peraturan sama manakala Yoke Liang pula dituduh gagal menyeleenggara rekod bagi proses pengilangan dan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara sebagaimana ditentukan peraturan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di tempat pada masa dan tarikh sama.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh dijamin RM15,000 bagi setiap pertuduhan terjadual dan RM3,000 seorang bagi setiap pertuduhan pencemaran udara bersih.

Mahkamah turut mengarahkan Yoke Liang dan Jing Choa diikat jamin dengan seorang penjamin, namun penjamin Jing Choa haruslah warga Malaysia. Sementara itu, pada prosiding



JING CHOA (belakang) dan Yoke Liang (depan) dibawa polis untuk pertuduhan menyebabkan pencemaran udara dan membuang sisa terjadual di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

yang sama, pendakwaan turut mengemukakan 15 pertuduhan sama ke atas kilang, P Tech Resources Sdn. Bhd.

Yoke Liang dan Jing Choa yang menjadi wakil syarikat itu mengaku tidak bersalah atas

pertuduhan tersebut.

"Walaupun berlaku beberapa insiden pencemaran di kolam takungan air yang menyebabkan henti tugas LPA, sumber air negeri masih terkawal dan bekalan air kepada rakyat tidak terganggu," katanya. - Bernama



LAMPIRAN 22
UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

MAKLUM BALAS

Masalah dalam perhatian TNB

SAUDARA PENGARANG,

Aduan pengguna, “Penduduk Kecewa” yang disiarkan *Utusan Malaysia* pada 16 Mac 2019 bertajuk Lestari Putra selalu ‘bergelap’ dengan hormatnya dirujuk.

Untuk makluman, keadaan bekalan elektrik di Taman Lestari Putra, Seri Kembangan, sememangnya dalam perhatian pihak kami.

Langkah jangka panjang memperbaiki keadaan yang sedang kami usahakan melibatkan pemasangan dua litar kabel 11kV sejauh 5 kilometer dari Pencawang Pembahagian Utama (PPU)

Puchong Gateway ke Pencawang Elektrik (PE) di Taman Lestari Putra.

Urusan mendapatkan kelulusan permit dari pihak berkuasa yang berkenaan sedang dalam proses.

Projek ini bagi memastikan sistem bekalan dapat menampung permintaan elektrik yang semakin meningkat di Taman Lestari Putra dan kawasan sekitarnya, sekali gus meningkatkan keselesaan pengguna yang terlibat.

Projek yang dijangkakan siap pada Julai 2019 ini akan membolehkan bekalan elektrik lebih berdaya harap.

Sementara itu, sebagai langkah jangka masa pendek, kerja-kerja pencegahan (*preventive*) atau dari segi teknikalnya dipanggil *feeder cleansing* bagi meningkatkan daya harap sistem di kawasan tersebut sedang dijalankan.

Kami mengucapkan terima kasih di atas kesabaran penduduk di Taman Lestari Putra yang terkesan sementara kerja-kerja naik taraf ini diusahakan.

WAN NAZMY WAN MAHMOOD

Pengurus Besar Kanan
(Distribution Network)
Tenaga Nasional Berhad

LAMPIRAN 23

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4

TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Didakwa lagi masing-masing 15 pertuduhan

JOHOR BAHRU 25 Mac - Dua pengarah sebuah syarikat pemprosesan tayar terpakai yang semalam didakwa melupuskan buangan terjadual ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, sekali lagi dituduh di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, masing-masing atas 15 pertuduhan baharu.

Pertuduhan berkenaan membabitkan tujuh kesalahan bersabit pembuangan terjadual dan lapan melibatkan kesalahan pencemaran udara bersih pada awal bulan ini.

Wang Jing Chao, 34, warga Singapura dan Yap Yoke Liang, 36, selaku Orang Kena Saman (OKS) bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Jailani Rahman.

Mengikut pertuduhan melibatkan pembuangan terjadual itu, Wang dan Yap didakwa gagal membuat pemberitahuan tentang buangan terjadual yang dihasilkan dalam masa 30 hari dari tarikh pengeluaran buangan terjadual seperti ditetapkan di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Kedua-duanya dituduh melakukan perbuatan itu pada 11 Mac kira-kira 12.25 tengah hari di P Tech Resources Sdn Bhd di PLO 113, Jalan Nibong 2, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang dan boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan tidak lebih seta-



WANG JING CHAO (belakaf) dan Yap Yoke Liang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

hun atau kedua-duanya.

Bagi pertuduhan melibatkan pencemaran udara bersih pula, Wang didakwa gagal menjalankan pemantauan berkala di bawah peraturan sama manakala Yap pula dituduh gagal menyelenggara rekod bagi proses pengilangan dan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara, sebagaimana ditentukan peraturan tersebut.

Kesalahan itu turut dilakukan kedua-duanya di tempat, masa dan tarikh yang sama. Oleh itu, kedua-duanya boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah kemudiannya menetapkan 30 April ini untuk sebutan semula dan membenarkan setiap tertuduh dijamin RM15,000 seorang bagi setiap pertuduhan melibatkan pembuangan ter-

jadual dan RM3,000 seorang bagi setiap pertuduhan melibatkan pencemaran udara bersih.

Mahkamah turut mengarahkan Wang dan Yap diikat jamin dengan seorang penjamin namun penjamin Wang haruslah warga Malaysia dan perlu melaporkan diri ke Balai Polis Pasir Gudang setiap 1 haribulan sehingga kes saman itu, selesai.

Proses pendakwaan hari ini dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asyraf Md Kamal manakala Wang dan Yap diwakili peguam G. Subramaniam Nair.

Sementara itu, pada prosiding yang sama, pendakwaan turut mengemukakan 15 pertuduhan sama ke atas kilang iaitu P Tech Resources Sdn. Bhd.

Wang dan Yap yang menjadi wakil syarikat itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan. - BERNAMA



LAMPIRAN 24
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 2
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Kerajaan kaji turunkan tarif elektrik

Serdang: Kerajaan menimbangkan untuk menurunkan kadar tarif elektrik di negara ini, susulan penurunan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sentiasa komited untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

"Kerajaan sedang meneliti mengenai perkara itu (cadangan penurunan kadar tarif elektrik). Apa yang penting kita mahu kurangkan beban sara

hidup yang ditanggung rakyat ketika ini.

"Bagaimanapun, kita masih belum memuktamadkan mengengainya dan ia akan diusulkan ke Kabinet," katanya selepas melancarkan Program Mentakafulkan Penjawat Awam dan Kerjasama MyCUEPACSCare dan Pos Malaysia Bhd, di sini, semalam.

53 peratus sumber elektrik dijana arang batu

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Dr Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Presiden Kong-

res Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya perancangan kerajaan sama ada akan menurunkan kadar tarif elektrik selari dengan kejatuhan harga arang batu dan gas asli di pasaran dunia.

Berdasarkan data terbaharu Tenaga Nasional Bhd (TNB), sebanyak 53 peratus daripada sumber elektrik di Malaysia adalah dijana daripada arang batu, 42 peratus daripada gas asli dan selebihnya berasaskan tenaga

hidro dan tenaga boleh diperbaharui (RE).

Menurut laporan *Reuters* pada 15 Februari lalu, harga gas asli cecair (LNG) Amerika Syarikat (AS) susut lebih 40 peratus sejak Jun tahun lalu kepada AS\$6.50 (RM26.50)/MM-Btu, terendah sejak September 2017.

Manakala harga kargo arang batu bagi eksport dari Terminal Newcastle Australia menurun bagi sukuan sejak pertengahan 2018 kepada bawah AS\$90 (RM366) setiap tan buat pertama kali sejak 2017.



LAMPIRAN 25
NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 70
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

WEATHER CHANGES

Little things we can do to fight climate change

A FEW years back, I was comparing our country's weather with several countries that were affected by the heatwave. At that time, the temperature was around 32°C while neighbouring countries were hitting the high 40s. I felt blessed.

That has changed. The irregular weather patterns have been going on for a few years. When it's hot, it's extremely hot; and during the monsoon the rains are non-stop.

We can blame it on climate change or global warming, but what caused the climate to change?

We have been warned countless times by scientists that if we don't act now, it might be too late to save our planet earth.

Noticeably, though, more companies are trying to play a part in reducing global warming, with the numerous plant-a-tree campaigns nationwide.



Sungai Kenau and Sungai Lembing in Kuantan. Six states are expected to face water shortages due to the dry weather and lack of rainfall. PIC BY MUHD ASYRAF SAWAL

But we are still harvesting more than we are planting back, and government policies can only do so much.

We, the citizens, can do more when we put our heads together. While it would not be possible to reverse the effects of climate change, we can help reduce global warming.

The first would be to use energy wisely.

More modern devices are powered with electricity and we should use it more efficiently by

unplugging or shutting them down whenever not in use.

One of the energy efficiency tips shared by Tenaga Nasional Bhd is to set our air conditioning between 23°C and 25°C as this is cool enough and reduces energy consumption.

Second, redefine our waste. Over 23,000 tonnes of waste is produced daily in Malaysia, according to the Global Environment Centre.

That is 3.5 million times heavier than a bowling ball.

And almost 19 per cent of the waste ends up in our drains clogging them – one of the reasons for our flash floods, apart from an inefficient sewerage system.

Next, we should be using more public transport or car pooling or walking. Less energy is wasted here. And finally, recycle more of ten.

Every little bit we do helps.

ALEXANDER GOH
Cyberjaya

LAMPIRAN 26
 SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Kerajaan pertimbang turunkan kadar tarif elektrik

SERDANG - Kerajaan mempertimbangkan untuk menurunkan kadar tarif elektrik di negara ini berikutan penurunan harga arang batu dan gas di pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sentiasa komited untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

"Kerajaan sedang meneliti mengenai perkara itu (cadangan penurunan kadar tarif elektrik). Apa yang penting kita mahu kurangkan beban sara hidup ditanggung rakyat ketika ini.

"Bagaimanapun, kita masih belum memuktamadkan mengenainya dan

ia akan diusulkan ke Kabinet," katanya selepas melancarkan Program Mentakafulkan Penjawat Awam dan Kerjasama MyCUE-PACSCare dan Pos Malaysia Bhd, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya perancangan kerajaan sama ada akan menurunkan kadar tarif elektrik selari dengan kejatuhan harga arang batu dan gas asli di pasaran dunia.

Terdahulu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik di antara Medicare Assistance Sdn Bhd dan Pos Malaysia Berhad bagi mempromosikan program terbabit.

Hadir sama, Ketua Se-



Dr Mahathir menyaksikan pertukaran MoU antara Ketua Pegawai Operasi PosNiaga Abd Razak Mohd A. Kadir (dua, kiri) dan Pengarah Pembangunan Perniagaan MediCare Palanisamy Krishnan semalam.

tiausaha Negara, Dr Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Presiden Cuepacs, Datuk

Azih Muda.

Dr Mahathir berkata, buat masa ini kerajaan tiada

rancangan untuk membeli pesawat daripada China. "Itu hanya cadangan,

kami belum lagi buat apa-apa keputusan," jelas Perdana Menteri ketika ditanya pemberita mengenai kenyataan beliau kelmarin, berhubung Malaysia mungkin bertindak balas dengan membeli pesawat pejuang daripada China sekiranya Kesatuan Eropah (EU) terus dengan pendirian diskriminasi terhadap minyak sawit negara.

Malah kata Dr Mahathir, Malaysia mungkin langsung tidak membuat sebarang pembelian pesawat.

Ditanya jika ada produk tertentu daripada China yang sedang ditimbang, Dr Mahathir berkata: "Ada banyak produk yang boleh kita beli."



LAMPIRAN 27 SINAR HARIAN (SUNGAI TERCEMAR AMMONIA): MUKA SURAT 33 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

SUNGAI TERCEMAR AMMONIA

LAPORAN: MOHAMAD NORZAHARUDDIN KASIMON, NOR AZURA MD AMIN, MOHD FIRDAUS YON & SHAFIQ TINO

‘Saya mahu laporan segera’

Sultan Ibrahim mahu pihak terlibat bertanggungjawab

JOHOR BAHRU

Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar bertitah mahu pihak berkuasa segera menyasiat pencemaran yang berlaku di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap di Simpang Renggam.

Titah tersebut berikutan pencemaran di dua sungai tersebut hingga menyebabkan berlakunya kematian ikan-ikan di sungai terbabit.

Baginda Tuanku bertitah mahu pihak berkuasa menjalankan siasatan secara menyeluruh berhubung pencemaran itu kerana tidak mahu kejadian seperti di Sungai Kim

75,000 penduduk terjejas bekalan air

KIRA-KIRA 75,000 pengguna Ranhill SAJ di Simpang Renggam, Ayer Hitam, Kulai, utara Pontian dan kawasan sekitar terjejas apabila terputus bekalan air akibat pencemaran ammonia sejak Sabtu lalu.

Ahli Parlimen Simpang Renggam, Dr Maszlee Malik berkata, sebagai wakil rakyat, beliau meminta tindakan tegas dapat diambil semua agensi terlibat yang mencemarkan sungai ini sehingga menimbulkan masalah kepada penduduk di Parlimen Simpang Renggam yang terpaksa mendapatkan bekalan air secara berjadual," katanya semasa sidang media selepas melawat Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Benut di Kampung Kolam Air, semalam.

Menurutnya, dalam pertemuan bersama Ranhill SAJ dan Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKA) pada minggu lalu juga, kedua-dua agensi bersetuju agar sumber air mentah daripada Empangan Machap dapat disalurkan ke LRA Simpang Renggam agar penduduk di kawasan ini tidak mengharapkan semata-mata sumber air yang telah tercemar ini.



FOTO: FB SULTAN IBRAHIM

Keadaan sungai yang tercemar.

Kim, Pasir Gudang berulangi.

Sultan Johor juga mahu pihak berkuasa berkaitan segera mengemukakan laporan berhubung pencemaran itu.

"Lakukan siasatan dan saya juga mahukan laporan segera berhubung perkara ini. Sesiapa sahaja terlibat perlu bertanggungjawab kerana melakuan pencemaran terhadap sungai-sungai.

"Ini satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab," titahnya kepada Royal Press Office seperti dipetik dari Facebook rasminya Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, semalam.



Kira-kira 75,000 pengguna Ranhill SAJ Sdn Bhd (Ranhill SAJ) di Simpang Renggam, Ayer Hitam, Kulai, utara Pontian dan kawasan sekitarnya terjejas apabila terputus bekalan air akibat pencemaran ammonia sejak Sabtu lalu.

Kawasan tercemar

PENERBITAN al-Quran

Terbaharu AL-QURAN



LAMPIRAN 28
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 3
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Hujan renyai pada pagi semalam 'menyegarkan' tanaman petani dari Kampung Bendang Pak Yong di sini selepas terjejas berikutan kemarau sejak hampir dua bulan lalu.

Mohd Razman Aziz, 41, bersyukur kerana walaupun hujan tidak lebat, tapi cukup untuk membasahkan tanaman kunyit, tembikai, padi dan tebu ditanamnya di tanah seluas enam hektar.

"Namun jika cuaca panas

Tumpat

Hujan rahmat buat tanaman petani

kembali petang ini, barulah saya mengairi tanaman.

"Hujan pagi memang membantu daripada segi pengairan tanaman kerana boleh menjimatkan penggunaan enjin untuk mengepam air dari tali air dan kolam ke tapak tanaman," katanya.

Mohd Razman berkata,

peralihan cuaca memberi manfaat kepada 400 itik peliharaannya kerana tidak perlu mengepam air, sebaliknya hanya menadah air hujan untuk semua itiknya berenang.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Meteorologi Kelantan, Rabiah Al Adawiah Zakaria ketika

dihubungi berkata, hujan renyai pagi ini (semalam) disebabkan tempoh peralihan monsun dan dalam tempoh itu pertambahan jumlah hujan dijangka berlaku.

"Kami jangka hujan berlaku dua hari sehingga hari ini. Ketika peralihan monsun, biasanya hujan turun sebelah petang di kawasan pedalaman dan Pantai Barat Semenanjung," katanya.

LAMPIRAN 29
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 3
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)



HIDZATUL Afni mengubah suhu penghawa dingin di pusat Internet di Kampung FELDA Chuping.



FAQRUL Muhaimi Norfazli (kanan) berkongsi air minuman dengan rakan selepas latihan bola sepak.

Padang Besar

Sudah biasa hidup dalam 'bahang'

Meskipun Chuping diwartakan sebagai kawasan paling panas di negara ini, penduduk di Kampung FELDA Chuping sudah biasa dengan keadaan berbahang itu.

Penduduk, Khatijah Abdul Rahman, 55 berkata, cuaca sedemikian sudah sehati dengan dirinya sekeluarga meskipun ia sedikit sebanyak membataskan aktiviti seharian mereka.

"Kadang-kadang kami sekeluarga mandi sampai lima kali pada waktu siang walaupun duduk di rumah tanpa melakukan aktiviti luar.

"Itu belum dikira jika keluar ke pekan, balik rumah pasti sekeluarga berebut menunggu giliran berendam dalam kolam," katanya.

Penjaga pusat Internet kampung terbabit, Hidzatul Afni Salbani, 31, mengakui terpaksa menurunkan suhu penghawa dingin di tempat kerjanya setiap hari bagi menghilangkankan bahang.

"Kadang-kadang suhu di luar rasa membahang sehingga ruang berkomputer di dalam pusat ini menerima kesannya.

"Beginilah yang dirasakan penduduk di kawasan ini setiap tahun, malah sudah menjadi rutin saya memastikan ruang ini sejuk terlebih dulu sebelum ia dibuka kepada penduduk setempat.

"Selalunya kanak-kanak paling suka mengunjungi pusat ini kerana ingin merasa kedinginan penghawa dingin," katanya.



LAMPIRAN 30
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 17
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Tindakan tegas akan dikenakan terhadap individu bertanggungjawab

Sisa industri cemari Sungai Klang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Tindakan tegas akan dikenakan terhadap individu yang bertanggungjawab membuang sisa industri ke dalam Sungai Klang di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur di sini kelmarin.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad berkata, ia bagi mengelakkan insiden pencemaran sisa bahan kimia seperti di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor berulang di Lembah Klang.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan secara lanjut sama ada pihaknya telah mengenal pasti pelaku tersebut.

“Kalau ada kes seperti di Su-

ngai Kim Kim, tindakan tegas akan diambil,” katanya ringkas ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Peringatan Polis ke-212 peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas video berdurasi 44 saat berkaitan pencemaran yang dimuat naik kelmarin di laman Twitter Setiausaha Barisan Nasional Youth Volunteers (BNYV) Pulau Pinang, Mathis Sarawanan.

Video tersebut ditonton lebih 21,000 pengguna laman sosial itu sehingga menimbulkan rasa marah mereka terhadap pencemaran itu.

Menerusi Twitter itu, Mathis

dipetik berkata, beliau menerima video tersebut daripada rakannya di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.

“Cuba lihat bagaimana sisa buangan mengalir terus ke dalam sungai kita. YB @teresakok / YB @KhalidSamad sila ambil tindakan sepatutnya berkenaannya secepat mungkin. Kita tidak boleh membiarkan kejadian seperti di Pasir Gudang berulang lagi,” katanya.

Mathis turut memuat naik sebuah video lagi berdurasi 24 saat yang mendapat tontonan 6,431 pengguna Twitter selain sekeping gambar memaparkan perubahan Sungai Klang susulan pencemaran itu.



PERUBAHAN warna air Sungai Klang di Jalan Klang Lama, sebelum (kiri) dan selepas dicemari sisa industri kelmarin.

LAMPIRAN 31
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 17
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Penduduk tidak selesa hidu bau busuk

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG - Sikap tidak bertanggungjawab penduduk yang membuang sampah sarap di merata tempat menimbulkan rasa kurang senang pengguna Jalan Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 1 dan RKT Kesedar Lebir di sini.

Kawasan di tepi jalan itu juga berbau busuk akibat daripada sisa sampah yang dibuang individu tidak bertanggungjawab.

Tinjauan mendapati, persekitaran jalan berkenaan kotor kerana dipenuhi sampah sarap yang dipercayai berlarutan lebih setahun lalu.

Seorang pengguna jalan raya, Mohd. Harun Mohd. Daud, 55, berkata, individu yang mengambil jalan mudah dengan membuang sampah sarap di kawasan itu patut berhenti berbuat demikian.

Katanya, perbuatan itu bukan sahaja menjejaskan kebersihan alam sekitar tetapi menimbulkan pandangan buruk pengguna jalan raya tersebut.



SAMPAH sarap berselerak di tepi jalan yang menghubungkan RKT Kesedar Paloh 1 ke RKT Kesedar Lebir baru-baru ini.

"Semua penduduk harus mencari tempat yang lebih sesuai sebagai tempat pembuangan sampah.

"Kita dapat melihat mereka kurang menjaga kebersihan dan seharusnya tanggungjawab bersama menjaga kebersihan persekitaran," katanya di sini semalam.

Siti Solehah Solihin, 30, pula ber-

kata, kedudukan kawasan perkampungan mereka yang jauh menyebabkan penempatan itu berada di luar kawalan kerajaan tempatan.

"Amalan membuang sampah sarap di tepi jalan ini adalah tidak baik kerana mengotorkan pemandangan dan mendedahkan kepada punca penyakit," katanya.



LAMPIRAN 32 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 2 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)



KEADAAN paras air di Empangan Semenyih, semalam.

AIR CUKUP

Norzamira Che Noh
arn@hmetro.com.my

Siak Aisam

Bekalan air di semua empangan dan kolam takungan di Selangor mencukupi untuk menghadapi musim kemarau yang dijangka berlarutan sehingga bulan depan.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, bekalan air itu masih pada kadar 80 peratus dan dijangka cukup menampung permintaan selama tiga bulan.

"Seperti diumumkan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (Dr Xavier Jayakumar), negeri ini tidak berdepan risiko catuan seperti beberapa negeri lain.

"Secara keseluruhannya, takungan di semua tujuh empangan negeri dalam keadaan baik dan mampu menampung keperluan Loji Pembersihan Air (LPA) dan permintaan semasa

4,800 juta liter sehari (JLH).

"Pelaksanaan Operasi Pengepaman Air Kolam (OPAK) dan Off-River Storage (ORS) juga membantu mengekalkan kapasiti air diperlukan jika berlaku kemarau panjang dalam tempoh sebulan dua ini," katanya selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahyia, Speaker Dewan Negeri Selangor, Ng Suet Lim dan Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Hashim Osman.

Kata Amirudin berkata, Operasi Pembenhian Awan (OPA) dilakukan di kawasan tadahan dan lembangan sungai apabila kapasiti empangan menurun di bawah 60 peratus.

Pada majlis itu, satu sistem yang dapat mengukur secara tepat kedudukan air di empangan iaitu

Bekalan di semua empangan, kolam di Selangor boleh tampung keperluan musim kemarau

LUAS Intelligent Support System (LISS) turut dilancarkan secara rasmi.

Hashim berkata, LISS dapat mengawal pelepasan air dari empangan dan pihaknya akan terus memaklumkan kepada Air Selangor sekiranya air dilepaskan melebihi had.

"Pelepasan air di empangan dilakukan mengikut keperluan. Justeru, tahun lalu kita dapat mengawal air pada sekitar 95 ke 100 peratus," katanya.

LAMPIRAN 33
 NEW STRAITS TIMES (BUSINESS / NEWS): MUKA SURAT 62
 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

ELECTRICITY CHARGES

'LET TARIFFS BE IN LINE WITH COAL, GAS PRICES'

This will enable people to gain from any downward pricing trend, say economists

OOI TEE CHING
 AND AMIR HISYAM RASID
KUALA LUMPUR
 bt@mediaprima.com.my

IT'S about time electricity tariffs were charged according to the global movement of coal and natural gas prices, said economists.

This would enable businesses and the masses to benefit from any downward price movement, they said when commenting on Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's statement that the government was mulling lower power tariffs.

"The government is considering reducing electricity tariffs in view of falling coal and gas prices in the international market," he said at the MyCuepacs Care dialogue session with the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services, Medicare Assistance Sdn Bhd and Pos Malaysia Bhd, here, yesterday.

Spot coal cargo prices for exports from Australia's Newcastle terminal have fallen by a quarter to below US\$90 per tonne since the middle of last year.

Asian liquefied natural gas spot prices for May deliveries reportedly fell US\$0.80 (RM3.25) to US\$4.65 per British thermal unit yesterday.

Putra Business School business development manager Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff said reduced tariffs would increase the disposable income for the people and allow businesses to improve their profits.

Businesses are required to pay a surcharge of 2.55 sen per kilowatt hour (kWh) from this month to June due to the higher fuel and generation costs.

"Any reduction in electricity tariffs will be welcomed, considering that starting this month, businesses have to pay the surcharge of 2.25 sen per kWh, which will result in higher cost of products and services," he said.

However, Razman said there should be a cap on the tariffs so that when the prices went up again, the people would not be too burdened.

Tenaga Nasional Bhd (TNB) uses primarily coal and gas to generate electricity in meeting more than half of the country's power needs.

The rest of the electricity is produced by independent power producers from the private sector.

Coal, mainly purchased from Indonesia, Australia, South Africa and Russia, makes up 53 per cent of TNB's feedstock for power generation.

Gas accounts for 42 per cent of the raw material mix while the rest are from renewable sources such as hydroelectric, biomass, biogas and solar.

Economist Izzuddin Yusoff said under the Imbalance Cost Pass-Through mechanism, lower coal price should lead to a lower electricity tariff.

"The lower tariff should be beneficial to businesses, especially the manufacturing sector, as it will lead to a lower utility cost," he said.

INFO BOX

2.55 sen

Per kilowatt hour surcharge to be paid by businesses from March to June



LAMPIRAN 34
THE STAR (STAR WORLD): MUKA SURAT 22
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Cyclone lashing northwest Australia weakens

CANBERRA: A slow-moving cyclone that lashed northwest Australia was weakening.

The Bureau of Meteorology said Cyclone Veronica had weakened from a Category 3 storm, on a scale in which 5 is the strongest, to a Category 2, with sustained winds near its centre of 100kph and wind gusts of up to 140kph.

The storm was expected to continue to track west away from the coast of the sparsely populated Pilbara region of Western Australia state and weaken below cyclone strength, the bureau said yesterday.

There have been no reports of injuries or major structural damage from two major cyclones that hit the Australian coast over the weekend. But damage assessment had only just begun yesterday.

About 60,000 people live in the area most affected by Veronica, which crossed the Pilbara coast on Sunday. The iron ore mining region is said to be generally well prepared for cyclones that lash its coast frequently.

On Saturday, Category 4 Cyclone Trevor hit a remote part of the Northern Territory coast, about 1,600km to the east of the Pilbara region.

Trevor was downgraded on Sunday to a tropical low pressure system as it moved inland.



Can't get out: A video screencap showing an uprooted tree blocking a house in Port Hedland, Western Australia. — AP

The more than 2,000 people evacuated from Northern Territory coastal areas in its path have begun moving back home.

A red alert that warns residents to find shelter and brace for destruc-

tive winds remained in place in parts of the Pilbara. But that warning is expected to be lifted.

Roof and tree damage has been reported at towns in the Pilbara region.

Cyclones are frequent in Australia's tropical north but rarely claim lives.

Still, two large storms such as Trevor and Veronica hitting on successive days is rare. — AP



LAMPIRAN 35
THE STAR (STAR WORLD): MUKA SURAT 23
TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

Disease fears mount after Africa cyclone

BEIRA: Disease is threatening to aggravate the already dire conditions facing millions of survivors following the powerful tropical cyclone which ravaged southern Africa 10 days ago, officials warned. Cyclone Idai smashed into Mozambique's coast unleashing hurricane-force wind and rain that flooded swathes of the poor country before battering eastern Zimbabwe - killing 705 people across the two nations.

Amid the ongoing crisis, Zimbabwean television ZBC on Sunday reported that a young woman had given birth while sheltering from the floods in a tree.


Speaking at a briefing in Beira, 1,000km northeast of the Mozambique capital Maputo, Lands Minister Celso Correia said it was now "inevitable that cases of cholera and malaria will arise".

The UN Office for the Coordination of Humanitarian Affairs' deputy head, Sebastian Rhodes Stampa, also at the briefing, warned that disease outbreaks in inaccessible areas could be "really problematic".

The World Food Programme said on Friday that the humanitarian disaster unfolding in Mozambique was on a par with the situation in Yemen and Syria.

Aid workers from across the world are continuing to arrive in the region to bring help to hundreds of thousands of affected people across an area of roughly 3,000sq km.

Survivors are struggling in desperate conditions with some still trapped on rooftops and those rescued in urgent need of food and



Life goes on: A woman fetching water from a stream in the aftermath of Cyclone Idai in Chipinge, Zimbabwe. — Reuters

medical supplies.

"The government is already setting up a cholera treatment centre to mitigate cholera. We should not be frightened when cholera issues arise," added Correia, describing efforts to control the emerging humanitarian crisis.

"It is normal. It's almost inevitable. Malaria, we know how it arises. We have lots of wetlands and we're going to have malaria that is sure to come up (there)."

More than two million people have been affected in Mozambique, Zimbabwe and Malawi where the storm started as a tropical depres-

sion causing flooding which killed 60 and displaced nearly a million people. Hundreds are still missing in Mozambique and Zimbabwe.

In its daily update, OCHA said 74,600 women impacted by the cyclone are pregnant and around 60% of them are due to give birth within the next six months.

At least 7,460 of them are at risk of life-threatening complications.

The International Committee of the Red Cross said it had recorded some cases of cholera so far but the UN was unable to confirm the reports.

Much of the area hit by the

cyclone remains disconnected from electricity supplies, complicating rescue efforts at nightfall.

As many as 109,000 people are living in shelters across central Mozambique, many of them located in and around Beira.

Those shelters also "run the risk of infectious disease such as diarrhoeal disease and measles", James McQueen Patterson, Unicef's health and nutrition chief, said.

"Further, as many families have lost everything, some sleeping in the open, the risk of pneumonia, particularly among children, increases considerably," he said. — AFP

LAMPIRAN 36 KOSMO (K2): MUKA SURAT 22 TARIKH: 26 MAC 2019 (SELASA)

LAMAN GLOBAL

SUASANA alam sekitar dan udara bersih menjadi faktor pelonjak industri penternakan di Tanjung Grim.



Cape Grim miliki udara terbersih dunia

HAMPARAN padang rumput saujana mata memandang dan kemilau bak kristal Lautan Selatan, Semenanjung Tanjung Grim, Tasmania menjadi panorama unik satu lokasi terpencil di negara Australia yang mencapai standard global sebagai udara terbersih di dunia.

Sejak tahun 1976, kawasan tersebut menjadi rumah kepada Tapak Stesen Pencemaran Udara iaitu fasiliti dibangunkan kerajaan dan mempunyai skop tugas yang melibatkan agak aneh iaitu 'menangkap udara'.

"Tugas kami ialah mencari udara bersih di serata dunia dan mengukur tahap pencemarannya," ujar pegawai yang bertanggungjawab menjaga stesen tersebut, Sam Cleland.


Melempar pandangan dari pejabatnya yang terletak di tebing laut tinggi, dengan daratan di sebelah barat terdekat ialah Argentina dan selatan Antartika, Cleland berkata, kawasan terpencil itu merupakan tempat sempurna mengumpul udara bersih yang bebas daripada asap kenderaan atau industri.

Apabila angin bertiup dari barat daya, Cleland dan pasukannya menangkap sampel udara menggunakan kit instrumen yang begitu sensitif dengan udara kotor biarpun ia berpunca dari trak penghantaran barang yang berada pada kedudukan sejauh sejam dari lokasi tersebut.

Sejajar usaha murni tersebut,



CLELAND merupakan pegawai bertanggungjawab terhadap kelancaran operasi di Tapak Stesen Pencemaran Udara yang dibangunkan kerajaan Australia Tanjung Cape, Tasmania.



SAMPEL udara yang dikumpul penyelidik dimasukkan ke dalam botol.

produktiviti pengeluaran haiwan ladang seperti lembu dan sektor pelancongan kian meningkat.

Dalam pada itu, Cleland menjelaskan, stesen itu turut mengesan kenaikan gas melepasi ozon berasal dari negara jauh seperti China.

Perubahan

Katanya, berdasarkan data yang direkodkan, udara terbersih dari barat daya turut mengalami pola perubahan yang pantas.

"Anda dapat melihat lebih daripada 2,000 tahun terakhir, tahap karbon dioksida khususnya dan kesan gas rumah hijau berada pada tahap yang agak stabil.

"Ais teras menunjukkan bahawa kandungan karbon dioksida adalah sekitar 275 bahagian per sejuta untuk jutaan tahun lalu.

"Pada masa mula-mula kami

mula mengukur karbon dioksida di sini pada tahun 1976, ia meningkat pada tahap 330 sehingga mencapai kira-kira 405," katanya.

Melewati tahap 400 per sejuta awal dekad ini, dapatan itu memberi amaran bahawa perkhidmatan berkaitan dasar perubahan iklim semata-mata tidak mencukupi.

"Kesan karbon dioksida yang terdapat di Tanjung Grim ketika ini berasal dari beberapa bandar pada permulaan revolusi perindustrian lagi.

"Apa yang kita lihat di atmosfera sekarang mungkin menyimpan seluruh sejarah pencemaran bumi ini," ujarnya.

Sementara itu, Mike Buckby yang mendapat gelaran petani hujan, bertindak mengumpul air hujan untuk tanamannya.

"Kami sangat bergantung kepada air hujan yang berasal dari Lautan Selatan," katanya

sambil melihat sistem takungan dan saliran air buaatannya.

Pencemaran

Buckby menyifatkan, rasa air hujan yang dikumpulnya tidak seperti biasa dengan kandungan natrium di dalamnya kerana ia kebanyakannya berpunca dari laut.

"Tetapi ia sangat neutral dan bersifat lembut serta menyegarkan. Pada musim bunga, kita mendapati air hujan yang terhasil mengandungi kadar magnesium tinggi selain mempunyai beberapa nitrat semula jadi seperti fosforus dan kalium," kongsinya.

Buckby berkata, usaha penubuhan stesen tersebut membantu pengeluaran tempatan dalam pasaran yang kompetitif.

"Ini mungkin tidak akan berfungsi tanpa stesen pengawasan di Tanjung Grim. Terdapat dapatan data selama 43 tahun yang membuktikan kawasan ini menghimpunkan campuran udara terbaik di dunia," katanya.



HAMPARAN rumput seluas mata memandang tampak meliuk lembut dihembus bayu yang menyegarkan.



PERALATAN yang digunakan penyelidik mempunyai tahap sensitif yang tinggi dengan udara kotor.

Begitupun, dalam situasi dunia global, Tanjung Grim tidak kebal terhadap ancaman pencemaran yang kian meningkat terutamanya di bandar-bandar utama dunia.

Apabila angin bertiup dari utara iaitu dari Melbourne atau Sydney di Australia, ia turut 'mengutip' sisa-sisa bahan kimia pada masa tersebut. - AFP